

## **Tanaman Sayuran Secara Fertigasi Membawa Kejayaan Kepada Usahawan Peladang Tuan Haji Jamaludin Bin Lawani.**

Tuan Haji Jamaludin bin Lawani, merupakan ahli PPK Cameron Highlands penyandang Peladang Jaya Lelaki Tahun 1995, telah lebih 17 tahun mengusahakan projek tanaman sayuran pelbagai secara konvensional dan fertigasi. Tanaman sayuran yang diusahakan secara konvensional di Sungai Palas di atas kawasan seluas 15 ekar meliputi sayuran campuran seperti kobis, kacang buncis, kamcham, sawi putih dan sawi jepun.

Bagi sayuran jenis berdaun, secara purata beliau memperoleh hasil antara 10 hingga 15 tan/ekar dan sayuran jenis berbuah hasil pengeluaran mencapai sehingga 25 tan/ekar setiap pusingan. Dalam tempoh setahun beliau berupaya mengusahakan tanaman sayuran pelbagai jenis sehingga 6 pusingan. Beliau memasarkan hasil pengeluaran secara jualan sendiri di Ipoh, Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur. Manakala jualan secara borong dengan harga RM1.80/kg adalah kepada pengeksport yang akan memasarkan hasil-hasil tersebut ke Singapura.



Gambar 1: Tanaman sayur sawi yang diusahakan.



Gambar 2: Tanaman yang subur dan hampir sesuai untuk dituai.

Disamping itu, Tuan Haji Jamaludin juga mengusahakan tanaman bunga ros seluas 1.5 ekar di lokasi yang sama. Kebun bunga beliau boleh memuatkan 35,000 pokok bunga sepusingan. Hasil bunga turut dijual kepada pengeksport yang akan memasarkannya ke Singapura. Secara purata beliau berupaya memperoleh hasil diantara RM15,000 hingga RM20,000 sepusingan.



Gambar 3: Hasil bunga yang dituai akan digred sebelum dipasarkan.

Seiring dengan saranan kerajaan untuk mentransformasikan pertanian menerusi teknologi, Tuan Haji Jamaludin telah menyahut seruan tersebut dengan meneroka tanah kerajaan yang disewa secara TOL seluas 18 ekar di Lojing, Gua Musang, Kelantan untuk tanaman tomato secara fertigasi. Sehingga kini beliau telah mengusahakan tanah tersebut seluas 5 ekar. Bagi setiap ekar tanah, beliau membina 18 unit rumah pelindung hujan yang bersaiz 22' X 90' untuk menempatkan sebanyak 10,000 pokok tomato. Kos semasa bagi pembinaan rumah pelindung hujan lengkap dengan infrastruktur yang lain ialah RM80,000 seekar.

Sehingga kini beliau telah melabur sejumlah RM1.8 juta bagi merealisasikan hasratnya. Manakala 3 ekar tanah lagi telah disiapkan infrastruktur untuk menempatkan tambahan 30,000 pokok. Memandangkan pasaran buah tomato adalah baik, beliau telah meluaskan kawasan tanaman tomato berdasarkan baki kawasan yang ada.



Gambar 4: Kawasan tanah seluas 10 ekar yang telah dibersihkan dan diratakan.



Gambar 5: Rumah pelindung hujan bersaiz 22' X 90' yang berharga RM80,000 seunit.



Gambar 6: Tanaman tomato sistem fertigasi yang berusia 2 minggu.



Gambar 7: Tn. Hj. Jamaluddin menunjukkan ruas (node) pokok lebih pendek untuk mengeluarkan buah berbanding tanaman di tempat lain.



Gambar 8: Pokok tomato sistem fertigasi yang telah mengeluarkan hasil.

Hasil tomato boleh dikutip selepas 2 bulan ditanam. Secara purata beliau memperolehi hasil sebanyak 2 tan seminggu dan buah ini boleh dikutip berterusan sehingga 3 bulan. Jangkahayat tanaman tomato untuk sepusingan adalah selama 6 bulan, selepas itu pokok lama akan dicabut untuk digantikan dengan pokok yang baru. Dalam tempoh setahun, beliau berupaya melaksanakan 2 pusingan penanaman. Beliau mampu meraih hasil pengeluaran sehingga 50 tan/pusingan untuk kapasiti 50,000 pokok. Bagi memastikan pemasaran hasil terjamin, beliau mengikat perjanjian 'contract marketing' dengan FAMA pada harga RM1.80/kg.

Secara keseluruhan segala usaha beliau dalam pertanian komersial ini memberikan hasil keluaran bulanan sebanyak RM200,000 dengan pendapatan bersih sekitar RM40,000 sebulan.